

MTUC/2201/2304/1

3hb Oktober 2007

Kepada Semua: KESATUAN GABUNGAN

Saudara / Saudari,

PINDAAN AKTA BURUH

Kami amat dukacita untuk memaklumkan bahawa walaupun telah melakukan bantahan yang hebat, namun Parlimen telah meluluskan beberapa siri pindaan terhadap Akta Perhubungan Perusahaan dan Akta Kesatuan Sekerja.

Kesan Pindaan Akta:

- Hilangnya kuasa bebas bertindak mengikut pertimbangan sendiri mahkamah perusahaan yang telah memainkan peranan utama dalam penyelesaian pertikaian buruh bagi mempromosikan keharmonian perusahaan.
- Aktiviti menghancurkan kesatuan menjadi mudah: Syarikat-syarikat besar terutama MNC sering melakukan aktiviti-aktiviti untuk menyingkirkan kesatuan dan pindaan akta ini akan menjurus kepada aktiviti-aktiviti ini;
- Mempromosi pemecatan dari jawatan bagi aktivis-aktivis yang menyokong aktiviti kesatuan dengan hanya menukar jawatan pegawai-pegawai kesatuan dan mengklasifikasikan mereka sebagai Eksekutif Rendah;
- Mempromosikan fleksibiliti buruh;
- Mbenarkan majikan-majikan mengurangkan upah dan faedah-faedah berbentuk kewangan dari pekerja;
- Kerajaan mengharamkan piket semasa tuntutan pengiktirafan masih dalam perbicaraan.

MTUC telah menghantar aduan kepada Pertubuhan Persekutuan Kesatuan Sekerja Antarabangsa (ITUC) dan Pertubuhan Perburuhan Antarabangsa (ILO). Bagi memperkuuhkan kempen kita dan membantah pindaan ini, Majlis Am telah memutuskan untuk mengadakan kempen tandatangan secara besar-besaran.

Kami menyeru semua kesatuan gabungan memberi sokongan yang serius bagi memastikan kempen ini berjaya. Adalah sangat diharapkan agar tandatangan bantahan akan dikembalikan ke MTUC selewat-lewatnya pada 12 November 2007.

Sekian terima kasih atas segala kerjasama dan sokongan dari pihak saudara-saudari.

Yang benar,

(G.RAJASEKARAN)
Setiausaha Agung

*Gr/Rr



YAB Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi

Perdana Menteri Malaysia

PINDAAN AKTA BURUH

Kami amat prihatin terhadap pindaan Akta Perhubungan Perusahaan dan Akta Kesatuan Sekerja yang akan menyebabkan:

- Hilangnya kuasa bebas bertindak mengikut pertimbangan sendiri mahkamah perusahaan yang telah memainkan peranan utama dalam penyelesaian pertikaian buruh bagi mempromosikan keharmonian perusahaan;
 - Aktiviti menghancurkan kesatuan menjadi mudah: Syarikat-syarikat besar terutama MNC sering melakukan aktiviti-aktiviti untuk menyingkirkan kesatuan dan pindaan akta ini akan menjurus kepada aktiviti-aktiviti ini;
 - Mempromosi pemecatan dari jawatan bagi aktivis-aktivis yang menyokong aktiviti kesatuan dengan hanya menukar jawatan pegawai-pegawai kesatuan dan mengklasifikasikan mereka sebagai Eksekutif Rendah;
 - Mempromosikan fleksibiliti buruh;
 - Mbenarkan majikan-majikan mengurangkan upah dan faedah-faedah berbentuk kewangan dari pekerja;
 - Kerajaan mengharamkan piket semasa tuntutan pengiktirafan masih dalam perbicaraan.

Kami merayu kepada YAB supaya tidak melaksanakan pindaan-pindaan baru itu.